

MAHATHIR - LEGA
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 16 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERASA LEGA DENGAN SELESAINYA ISU PINDAAN PELEMBAGAAN.

"SAYA RASA LEGA. ITU SAJA YANG DAPAT SAYA KATAKAN" KATANYA DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN BERNAMA HARI INI DALAM PENERBANGAN DENGAN JET EKSEKUTIF DARI TERENGGANU UNTUK LAWATAN SELAMA EMPAT JAM.

DIFAHAMKAN BAHAWA PERDANA MENTERI MENERIMA BERITA ITU MELALUI TELEFON KERETANYA PADA PUKUL 1 TENGAH HARI SEMALAM SEMASA MENJALANI PEMERIKSAAN MATA DI HOSPITAL BESAR.

BELIAU BERKATA BELIAU SUNGGUH LEGA KERANA SEKIRANYA ISU ITU BERLANJUTAN "ADA PERKARA YANG MUNGKIN DICAKAP DAN DILAKUKAN YANG TIDAK DAPAT DITARIK BALIK."

BELIAU MENGANGGAP KEJAYAAN EMNDAPATKAN KELUJUSAN DIRAJA TERHADAP RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU SEBAGAI KEJAYAAN SETIAP ORANG TERMASUK RAKYAT. -- LAGI 1840/II

MAHATHIR-LEGA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA +RUNDINGAN TIDAK AKAN DIADAKAN LAGI. PERKARA INI ADALAH MUKTAMAD BAGI SAYA DAN RAJA-RAJA.

PENDIRIAN RAJA-RAJA MENGENAI PERKARA INI ADALAH MUKTAMAD,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERJANJI AKAN MEMINDA PERKARA-PERKARA TERTENTU DALAM AKTA ITU DAN AKAN BERPEGANG TEGUH KEPADA JANJI YANG DIBERIKAN KEPADA RAJA-RAJA.

+MEMANDANGKAN RAJA-RAJA MAHUKAN SATU PENGAKUAN BAHAWA INI AKAN DILAKSANAKAN SAYA MEMBERI PENGAKUAN BERTULIS. KAMI AKAN LAKSANAKAN APA YANG TELAH DIJANJIKAN ITU+ TEGAS BELIAU.

MENGENAI APAKAH YANG AKAN TERJADI SEKIRANYA DALAM TEMPOH SEBELUM DIADAKAN SIDANG KHAS PARLIMEN, RAJA-RAJA MENGAMBIL KEPUTUSAN TIDAK BERSETUJU, PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK TIMBUL SOAL TIDAK BERSETUJU.

+KAMI TELAH BERSETUJU,+ KATA BELIAU.

DITANYA SAMPA ADA KELEMAHAN-KELEMAHAN TERTENTU DALAM PERUNTUKAN PINDAAN-PINDAAN ITU YANG SERING DIBANGKITKANNYA TELAH DIPERBETULKAN BERIKUTAN PENANDATANGANAN ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA TELAH DIPERBETULKAN DAN PERKARA-PERKARA ITU SUDAH JELAS SEKARANG. -- LAGI 1915/ZI

MAHATHIR-LEGA 3 KUALA LUMPUR

+MALAH SELEPAS DIBUAT PINDAAN TERHADAP PINDAAN-PINDAAN ITU PUN, KEKABURAN TIDAK WUJUD LAGI+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA TENANG DAN BERSYUKUR KEPADA ALLAH BAHAWA PERKARA ITU TELAH SELESAI MENGIKUT CARA YANG BIASA DILAKUKAN DI MALAYSIA.

DALAM TEMURAMAH ITU PERDANA MENTERI JUGA DITANYA MENGENAI DAKWAAN GOLONGAN YANG MENGATAKAN MEREKALAH YANG BERUSAHA Mendapatkan KELUJUSAN DIRAJA TERHADAP PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG ITU.

BELIAU BERKATA MEREKA BOLEH MENDAKWA APA SAJA. SESIAPAPUN BOLEH MEMBUAT SEBARANG DAKWAAN. -- BERNAMA 1918/ZI